BH ONLINE
Sabtu, 23 Januari 2021, 4:07pm
App Store Google Play
#Penjarakanfizikal - Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan tempoh tamat 67 Hari 07 Jam 52 Minit
ikuti Berita terkini Covid-19
NASIONAL KES POLITIK PENDIDIKAN WILAYAH
Want RM2,500?

# Vaksinasi penting untuk kembali pulihkan ekonomi - MOSTI

Januari 23, 2021 @ 7:01am




Foto hiasan

KUALA LUMPUR: Program vaksinasi bagi mencegah pandemik COVID-19 yang dirancang kerajaan untuk orang ramai adalah penting bagi mewujudkan imuniti kelompok, sekali gus membolehkan ekonomi negara kembali pulih.

Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan Teknologi, Pengkomersialan dan Perkhidmatan STI, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Dr Mohd Nor Azman Hassan, berkata apabila imuniti kelompok tercapai maka penularan COVID-19 akan dapat dikawal kerana majoriti penduduk sudah memiliki ketahanan terhadap virus itu.

"Apabila kita mempunyai ketahanan dalam kumpulan yang besar terhadap sesuatu virus, kita boleh hampir bergerak dan berhubung dalam keadaan normal.

"Jadi, peluang untuk kita membuka ekonomi itu lebih besar kerana setiap rakyat atau individu divaksinasikan," katanya ketika menjadi tetamu dalam program Bual Bicara terbitan Bernama TV malam ini yang bertajuk 'COVID-19: Kepentingan Vaksin & Imunisasi.'

Male Over 33 Years
Want RM2,500?
Those over 33 are getting a big 2021 (But Only If Claimed)
thetwistcorp.com
OPEN

TERKINI PILIHAN PEMBACA
5m Bekas isteri Maradona mula 'berperang'
11m COVID-19: Proses sanitasi di SK Sultan Sulaiman 1
17m 'Henti penggambaran tak tahan gelak'
23m Jumlah kes tinggi tingkat peluang virus COVID-19 bermutasi
46m COVID-19: Lonjakan kes di Kelantan membimbangkan
48m Sultan Selangor, Tengku Permaisuri titah jangan abai haiwan terbiar
53m JAWI, JAKIM teruskan misi bantu mangsa banjir di Pahang
1h Vespa GTS SuperTech tampilkan kuasa, gaya dan warisan

## DISYORKAN UNTUK ANDA

- Australia pertahan keberkesanan vaksin AstraZeneca
- Pakar kesihatan sokong tambah beli vaksin COVID-19
- Kesedaran program imunisasi elak

tragedi Kuala Koh

- Varian baharu COVID-19 dikesan di Jepun, berbeza dari UK, Afrika

Imuniti kelompok merujuk kepada keadaan penularan jangkitan yang rendah kerana sebahagian besar masyarakat mempunyai imuniti terhadap jangkitan itu.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam pengumuman khas pakej bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) berkata hampir RM27 juta atau lebih 80 peratus

penduduk Malaysia dijangka menerima vaksin COVID-19 menjelang suku pertama tahun depan.

Beliau berkata bekalan vaksin pertama dijangka diterima pada penghujung Februari ini dengan kumpulan pertama penerima vaksin pada awal Mac dan program vaksinasi ini berjalan secara berperingkat selama 12 bulan.

Sementara itu, Felow Akademi Sains Malaysia Datuk Dr Madeline Berma berkata beliau optimis bahawa program vaksinasi COVID-19 akan mempercepatkan usaha merancakkan kembali ekonomi negara khususnya ekonomi domestik yang terkesan teruk akibat pandemik.

"Kalau dulu pada awal kemunculan wabak, kita hanya bergantung kepada pencegahan dengan cara penjarakan fizikal dan perintah kawalan pergerakan sahaja.

"Tetapi dengan adanya vaksin, ia seolah-olah satu cahaya yang selama ini ditunggu-tunggu kerana ia dapat menyelesaikan penularan COVID-19," katanya. – BERNAMA

## TRENDING



BOLA 6 minit yang lepas

Bekas isteri Maradona mula 'berperang'



BOLA 2 jam yang lepas

Ronaldo tolak tawaran Arab Saudi



USAHAWAN 2 jam yang lepas

Absolut Chocolat: Dari pondok rehat ke kilang



NASIONAL 3 jam yang lepas

Hakim kes Najib dipindahkan



SELEBRITI 4 jam yang lepas

'Saya baru suapkan ayah...'

## BERITA BERKAITAN



KOMENTAR Jan 16, 2021 @ 11:01am

Penemuan vaksin bukan lesen abai SOP, norma baharu




NASIONAL Jan 17, 2021 @ 2:37pm

COVID-19: 'Kesan pandemik diramal surut menjelang akhir tahun'



AMERIKA Nov 23, 2020 @ 7:13am

[AS sasar vaksinasi COVID-19 Disember]



NASIONAL Nov 5, 2019 @ 11:39am

[Pangkalan data imunisasi Orang Asli]

Disyorkan untuk anda

Stay Safe, Stay Home Outbrain



**Kuala Lumpur Surgeon: Easy Method Relieves Tinnitus (Ear…**
healths.vip




**Malaysia to receive first batch of Pfizer-BioNTech COVI…**
CNA



**Where Do The Richest Americans Live?**
Mansion Global



**Anyone With Blurry Eyesight Should Watch This (They Hide…**
healths.cafe



**The knee brace that has taken the world by a storm.**
Knee Fix PRO™



**As the first COVID-19 vaccines gets approval, will…**
CNA - In Conversation
Watch More



**This Jaw Exerciser is Taking Malaysia by Storm**
Life Tech Insider



**Digital Transformation Courses Prices Might Surprise…**
Digital Transformation …



2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group